



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

GAYA BAHASA JINĀS DALAM KITAB AL-ḤIKAM AL-‘AṬĀ’IYYAH

MHD FAIZAL BIN MHD RAMLI

FBMK 2015 16



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

GAYA BAHASA *JINÁS* DALAM KITAB *AL-ḤIKAM AL-‘AṬĀ’IYYAH*

Oleh

MHD FAIZAL BIN MHD RAMLI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah
Master Sastera**

November 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

GAYA BAHASA *JINĀS* DALAM KITAB *AL-ḤIKAM AL-‘AṬĀ’IYYAH*

Oleh

MHD FAIZAL BIN MHD RAMLI

November 2015

Pengerusi : Mohd Sukki Othman, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini memfokuskan kepada penggunaan gaya bahasa *jinās* yang terkandung di dalam kitab *al-Ḥikam al-‘AṬĀ’IYYAH* karya Syeikh Ibn ‘Atā’illah al-Sakandari. Kitab tersebut dilihat sebagai sebuah hasil penulisan dakwah yang mempunyai seni dan kreativiti menerusi penggunaan gaya bahasa *jinās* yang ketara di samping elemen ilmu balaghah yang lain. Penggunaan gaya bahasa *jinās* dalam hikmah tersebut telah memanifestasikan satu kekuatan yang mampu menyingkap makna yang tersirat dan telah menghasilkan satu pembentangan yang unik terhadap maknanya. Oleh sebab itu, pendekatan dakwah Sheikh Ibn ‘Atā’illah al-Sakandari iaitu dengan memasukkan elemen gaya bahasa *jinās* adalah satu pendekatan yang perlu dikaji dan diteliti. Justeru, objektif yang disasarkan menerusi kajian ini adalah untuk mengklasifikasikan kategori *jinās*, menghuraikan kategori *jinās* dan menjelaskan nilai estetika *jinās* dalam kitab *al-Ḥikam al-‘AṬĀ’IYYAH*. Dalam menelusuri kajian ini, kaedah yang digunakan adalah bersifat deskriptif kualitatif (*manhaj dirāsah waṣfiyyah*) dan dianalisis berpandukan kepada pendekatan Ali al-Jundi menerusi kitabnya *Fann al-Jinās*. Daripada sepuluh kategori *jinās* Ali al-Jundi, hanya sembilan kategori *jinās* yang akan dibincangkan. Pengkaji mendapati penggunaan *jinās* dalam kitab *al-Ḥikam al-‘AṬĀ’IYYAH* melibatkan 125 hikmah daripada 264 hikmah keseluruhannya. Namun, terdapat juga penggunaan lebih daripada satu *jinās* dalam satu hikmah. Maka, keseluruhan *jinās* dalam kitab *al-Ḥikam al-‘AṬĀ’IYYAH* diklasifikasikan kategorinya dalam bentuk jadual, seterusnya dihuraikan mengikut kategori, dan dijelaskan nilai estetika *jinās* dengan membawa sampel hikmah yang diperlukan untuk tujuan perbincangan. Hasil kajian membuktikan bahawa kitab *al-Ḥikam al-‘AṬĀ’IYYAH* banyak dipengaruhi oleh kesenian balaghah Arab yang amat tinggi.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Arts

**THE LANGUAGE STYLE OF *JINĀS* IN THE SCRIPTURE OF *AL-ḤIKAM AL-
‘AṬĀ’IYYAH***

By

MHD FAIZAL BIN MHD RAMLI

November 2015

Chair : Mohd Sukki Othman, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This research is focused on the language style of *jinās* in the scripture of *al-Ḥikam al-‘Aṭā’iyyah* written by a philosophical puritan Syekh Ibn ‘Ata’illah al-Sakandari. The scripture symbolizes religious writing filled with arts and creativity. It attracts readers through its extensive use of *jinās* language style accompanied by other elements of rhetoric knowledge. The usage of *jinās* in the hikmah has protrude a strength withheld the underlying meaning and created a unique staging towards its meaning. Hence, the preach approach of Sheikh Ibn ‘Aṭā’illah al-Sakandarī embedding the language style of *jinās* in the scripture is an issue that need to be analysed and discussed. Thus, the objective of this research is to classify the type of *jinās*, analyse its type and explain the aesthetic value of *jinās*. Throughout the research, the methodology used is descriptive qualitative (*manhaj dirāsah wasfiyyah*) and further analysed according to Ali al-jundi approach in his scripture, *Fann al-Jinās*. This research concerns only nine out of ten types of *jinās* to be discussed. Result shows that, the usage of *jinās* comprising 125 out of the 264 hikmah. Yet, some hikmah contain more than one *jinās* in a single hikmah. Hence, the total of *jinās* found in the scripture of *al-Ḥikam al-‘Aṭā’iyyah* is classified according to its category in table form, analysed, then elaborated and clarify the aesthetic value of *jinās* passing through the sample of hikmah needed for dialogue purpose. The research outcome signifies the corpus by Syekh Ibn ‘Ata’illah al-Sakandari possesses hikmah which influenced by the highest Arabic rhetoric art.

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian untuk Allah, Tuhan semesta alam, Selawat dan salam buat Habibullah, Muhammad s.a.w, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut baginda serta barisan syuhada', para auliya' dan pejuang kebenaran. Kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Allah kerana dengan izin dan kekuatan yang diberikanNya, perjalanan seribu batu saya dalam menyiapkan tesis ini akhirnya tiba ke penghujungnya.

Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga dititipkan khas kepada Y.Bhg. Dr. Mohd Sukki Othman, selaku pengerusi penyeliaan kajian ini dan Y.Bhg. Dr Pabiyah Hajimaming@Toklubok, selaku penyelia bersama, yang sentiasa memberi pedoman, tips dan dorongan untuk saya melihat jalur perjalanan ini dengan lebih jelas. Kesungguhan mereka dalam memberikan bimbingan dan tunjuk ajar, serta komen dan kritikan yang membina amat dihargai. Begitu juga ucapan terima kasih buat barisan para pensyarah yang dihormati, banyak mencurahkan ilmu, berkongsi idea dan memberikan panduan yang amat berharga sepanjang saya mengikuti pengajian dan menyelesaikan tesis ini.

Kalungan penghargaan dan terima kasih yang setulusnya buat bonda saya Hj. Khatimah binti Awang dan ayahanda, Hj. Mhd Ramli bin Che Mat, yang tidak pernah sesaat pun berhenti mendoakan kejayaan dan kebahagiaan saya. Lestari budi kasih yang tidak terhingga buat isteri tercinta, Wan Nur Aqilah Wan Yusof dan dua puteri saya yang disayangi, Nur Nuha Salsabila dan Nur Wafa' Salsabila. Buat seluruh ahli keluarga, terima kasih atas doa dan pengorbanan mereka yang tidak ternilai.

Tidak lupa kepada teman-teman yang telah banyak menyumbang buah fikiran dan pandangan yang bernas serta sokongan padu dan motivasi di dalam meneruskan usaha menghasilkan kajian ini. Meskipun saya pastinya tidak mampu menyebut setiap nama mereka satu persatu, namun saya ingin juga menzahirkan di sini ucapan terima kasih kepada beberapa orang rakan penting, iaitu Dr. Mu'tasem Fuad 'Am Ali, Wan Ikhlas Wan Mohtar dan Khairul Anwar Mohamad Ali atas sumbangan input, idea dan tips berguna yang dikongsikan mereka dengan saya demi memastikan kajian ini mencapai kualiti dan standard yang dihasratkan.

Akhir kata, harapan saya agar usaha dan kerjasama semua pihak dapat diberi ganjaran dan diterima sebagai sebahagian daripada amal kebajikan oleh Allah s.w.t. Sesungguhnya segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada saya kerana sesuatu yang kesempurnaan itu hanyalah milik-Nya. Terima kasih.

MHD FAIZAL MHD RAMLI

Bandar Sri Damansara

November 2015

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (3 November 2015) untuk menjalankan peperiksaan akhir pelajar Mhd Faizal bin Mhd Ramli bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Gaya Bahasa *Jinās* Dalam Kitab *al-Hikam al-‘Aṭā’iyyah*” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Abd Rauf Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Radiah Mezah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Zaki Bin Abd Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 12 Januari 2016


Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Sukki Othman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



BUJANG KIM HUAT, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mhd Faizal bin Mhd Ramli (GS32980)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi : **Mohd Sukki Othman, PhD**
Jawatankuasa Penyeliaan

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi : **Pabiyah Hajimaming@Toklubok, PhD**
Jawatankuasa Penyeliaan

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
PEDOMAN TRANSLITERASI	xiv
BAB	
1	PENDAHULUAN
1.0	Pengenalan 1
1.1	Latar Belakang 3
1.2	Pernyataan Masalah 8
1.3	Persoalan Kajian 9
1.4	Objektif Kajian 9
1.5	Kepentingan Kajian 9
1.5.1	Ilmu Pengetahuan 10
1.5.2	Penobatan Terhadap hasil Karya Arab 10
1.6	Batasan Kajian 11
1.7	Definisi Operasional 11
1.7.1	Gaya Bahasa 11
1.7.2	<i>Jinās</i> 12
1.7.3	<i>Al-Hikam al-'Atā'iyah</i> 12
1.8	Kesimpulan 13
2	SOROTAN LITERATUR
2.0	Pengenalan 14
2.1	Sorotan kajian Berkaitan Gaya Bahasa <i>Jinās</i> 14
2.1.1	Definisi <i>Jinās</i> dalam Bahasa Arab 14
2.1.2	<i>Jinās</i> dalam al-Quran 16
2.1.3	<i>Jinās</i> dalam Hadith Nabawiy 18
2.1.4	<i>Jinās</i> dalam Masyarakat Arab 23
2.1.5	Perbezaan <i>Jinās</i> dan <i>Mushakalah</i> 24
2.1.6	Pembahagian kategori <i>Jinās</i> 26
a.	<i>Jinās Tām</i> 26
b.	<i>Jinās Muharraf</i> 29
c.	<i>Jinās Nāqis</i> 31
d.	<i>Jinās Qalb</i> 32
e.	<i>Jinās Ishtiqaq</i> 33
f.	<i>Jinās Syibih Ishtiqaq</i> 33
g.	<i>Jinās Muḍāri'</i> 34
h.	<i>Jinās Lahiq</i> 35
i.	<i>Jinās Taṣḥīf</i> 36
j.	<i>Jinās Ma'nawīy</i> 37
2.2	Sorotan Kajian Kitab <i>al-Hikam al-'Aṭā'iyah</i> 38

	2.2.1	Latar Belakang Sheikh Ibn 'Aṭā'illah al-Sakandarī	38
	2.2.2	Kandungan Kitab <i>al-Hikam al-'Aṭā'iyyah</i>	40
	2.2.3	Keistimewaan kitab <i>al-Hikam al-'Aṭā'iyyah</i>	42
	2.3	Kesimpulan	45
3		METODOLOGI KAJIAN	
	3.0	Pengenalan	46
	3.1	Reka Bentuk Kajian	46
	3.2	Skop Kajian	47
	3.3	Pemilihan Gaya Bahasa <i>Jinās</i>	47
	3.4	Korpus Kajian	48
	3.5	Kerangka Konseptual	50
	3.6	Prosedur Pelaksanaan Kajian	51
	3.6.1	Proses Menentukan Teori Kerangka Kajian	51
		a. Rasional Pemilihan Kerangka Kajian	52
	3.6.2	Tatacara Pemerolehan Data	53
	3.7	Penganalisan Data	54
	3.7.1	Objektif Pertama: Mengklasifikasikan kategori <i>Jinās</i>	54
	3.7.2	Objektif Kedua: Menghuraikan penggunaan <i>Jinās</i> mengikut kategori	54
	3.7.3	Objektif Ketiga: Menjelaskan nilai estetika <i>Jinās</i>	55
	3.8	Kesimpulan	55
4		ANALISIS DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
	4.0	Pengenalan	56
	4.1	Dapatan Kajian	56
	4.1.1	Objektif Pertama dan Kedua: Pengklasifikasi kategori dan Huraiananya	56
		a. <i>Jinās Tām</i>	56
		b. <i>Jinās Muḥarraf</i>	58
		c. <i>Jinās Nāqīṣ</i>	59
		d. <i>Jinās Qalb</i>	70
		e. <i>Jinās Ishtiqāq</i>	72
		f. <i>Jinās Shibih Ishtiqāq</i>	93
		g. <i>Jinās Mudāri'</i>	94
		h. <i>Jinās Laḥiq</i>	98
		i. <i>Jinās Tashīf</i>	102
	4.1.2	Rumusan Analisis Objektif Pertama dan Kedua	104
	4.1.3	Objektif Ketiga: Nilai Estetika <i>Jinās</i>	104
		a. Keserasian lafaz	105
		b. Tindak Balas Irama	112
		c. Pemanipulasian Lafaz	116
	4.2	Kesimpulan	120
5		RUMUSAN DAN CADANGAN	
	5.0	Pengenalan	121
	5.1	Rumusan Kajian	121
	5.1.1	Analisis Gaya Bahasa <i>Jinās</i> dalam Kitab	

	<i>al-Hikam al-'Atā'iyah</i>	121
5.1.2	Nilai Estetika <i>Jinās</i> dalam Kitab <i>al-Hikam al-'Atā'iyah</i>	122
5.2	Cadangan	123
5.2.1	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	124
5.3	Kesimpulan	125
BIBLIOGRAFI		126
BIODATA PELAJAR		131



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Kerangka Konseptual	52
4.1	Nilai Estetika <i>Jinās</i>	104
4.2	Keserasian Lafaz <i>Jinās</i>	105
4.3	Nilai Estetika Tindak Balas Irama <i>Jinās</i>	112
4.4	Nilai Estetika Pemanipulasian Perkataan <i>Jinās</i>	116



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
4.1	<i>Jinās Tām</i>	57
4.2	<i>Jinās Muḥarraf</i>	58
4.3	<i>Jinās Nāqis</i>	59
4.4	<i>Jinās Qalb</i>	71
4.5	<i>Jinās Ishtiqaq</i>	72
4.6	<i>Jinās Shibih Ishtiqaq</i>	93
4.7	<i>Jinās Muḍāri'</i>	94
4.8	<i>Jinās Lāḥiq</i>	98
4.9	<i>Jinās Taṣḥīf</i>	102



SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

a.s	'Alayh al-Salām
Bil.	bilangan
Dr.	Doktor
Prof.	Profesor
et.al.	dan lain-lain
Y.Bhg.	Yang Berbahagia
H	Hijrah
Hj.	Haji
Hjh	Hajjah
h.	halaman
jld	jilid
M	Masihi
No.	Nombor
s.a.w	<i>Ṣallāhu 'Alaihi Wasallam</i>
s.w.t	<i>Subhānahu Wa Ta'ālā</i>
t.t	tanpa tarikh

PEDOMAN TRANSLITERASI EJAAN ARAB KE RUMI
(Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008)

A. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Huruf Rumi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ء	,
ي	y
ة	ṭ

B. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
اَ	a	اَ	ā	أَيَّ	ay
اِ	i	اِي	ī	أَوَّ	aw
اُ	u	اِي	ū		

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), gaya bahasa merujuk kepada seni pemakaian bahasa secara berkesan. Umar Junus (1989) mentakrifkan gaya bahasa sebagai manipulasi penggunaan bahasa, sesuai dengan yang ingin dinyatakan penulisnya, sehingga menimbulkan kesan tertentu kepada pembaca. Sementara Sasterawan Negara, Keris Mas (1990:13-16) mentakrifkan gaya bahasa sebagai cara atau ragam bahasa itu diguna, khususnya dalam tulisan atau karangan untuk maksud-maksud tertentu seperti menghuraikan ilmu pengetahuan, berucap di hadapan khalayak dan sebagainya, merujuk kepada cara seseorang penulis menggunakan bahasa.

Justeru Gorys Keraf (2000:113) menganggap gaya bahasa adalah satu cara mengungkapkan fikiran melalui bahasa secara khas yang memperlihatkan jiwa dan keperibadian penulis (pemakai bahasa). Manakala menurut Fatimah Busu (2003:163), gaya bahasa adalah nadi yang mendenyut dan menghidupkan karya. Sesetengah pengkaji menamakannya sebagai 'bungkusan' yang terisi di dalamnya karya. Maka kesimpulannya, pemanipulasian bahasa dalam karya sastera amat memerlukan kreativiti. Hal ini kerana kreativiti pengarang itu berperanan penting dalam menghasilkan gaya bahasa yang tertentu, seterusnya menimbulkan kesan dan perasaan yang mengandungi nilai estetika kepada pembaca.

Gaya bahasa dalam penulisan sastera pastinya berbeza dengan gaya penulisan bukan sastera dari segi nilai estetikanya. Estetika ialah rasa keindahan, keseronokan, kegembiraan yang merujuk kepada yang bernilai dan bermanfaat serta penikmatan yang mempesonakan atau penglihatan yang memukau, yang cepat menawan perasaan dan terpahat dalam pemikiran. (Mana Sikana, 2009). Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), mendefinisikan "estetika" sebagai cabang falsafah yang mengkaji konsep yang berkaitan keindahan, cita rasa dan lain-lain.

Manakala Suhairah Ismail (2003:23) pula mendapati pengertian tentang indah dalam kamus semantik sering dikaitkan dengan perkataan-perkataan sinonim seperti cantik, elok dan baik. Beliau juga bersetuju dengan pandangan pengkaji sebelumnya yang mengatakan ilmu estetika itu berasal pada zaman Yunani Tua iaitu pada zama Platonis, sepertimana yang banyak diperkatakan oleh ahli filsuf Socrates, Plato dan Aristotle tentang ilmu "*What is beautiful*". Kemudian istilah estetika timbul pada abad ke 18 apabila ia dikaitkan dengan falsafah keindahan. Manakala, dalam bahasa Arab ia disebut sebagai *al-jamāl*. Menurut Suhairah Ismail lagi, pengertian estetika sebelum abad ke 18 dipersempitkan kepada falsafah keindahan sahaja. (Suhairah Ismail, 2003).

Berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan di atas pengkaji mendapati keindahan sebenarnya bukan semata-mata dilihat dengan mata dan melalui pancaindera zahir, tetapi menjangkau tanggapan pancaindera yang hanya boleh dinikmati menerusi jiwa dan akal yang menghayati keindahan hakiki. Jika disorot dari sudut pandangan Islam, terdapat Hadith Nabi s.a.w yang menitikberatkan perkara tersebut.

(إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ)

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah itu maha indah dan mencintai keindahan*”.
(Riwayat Imam Muslim)

Justeru, keindahan dalam gaya bahasa memainkan peranan penting dalam memastikan pengkaryaan dapat dinikmati menerusi pandangan mata akal dan jiwa lalu menatijahkan kepada mesej yang berkesan. Oleh sebab itu, Mohamad Yazid Abdul Majid (2010), mensyaratkan bahawa gaya bahasa sesebuah teks sastera itu mesti seimbang dari segi isi kandungan dan gaya bahasanya. Bukan sekadar bahasanya yang bergaya, bahkan diksi atau pemilihan kata yang digunakan juga mesti serasi dengan situasi dan mesej yang disampaikan.

Dalam bahasa Arab, persoalan gaya bahasa dibincangkan dalam satu bidang ilmu yang disebut sebagai ilmu balaghah atau *al-balāghah*. Perkataan *al-balāghah* merupakan perkataan Arab yang dapat dibahagikan kepada *balāghat al-kalām* dan *balāghat al-mutakallim*. *Balāghat al-kalām* ialah percakapan yang menepati keadaan orang yang menerima mesej (orang kedua), jelas dari segi kosa kata dan struktur ayat, serta tidak mempunyai kecacatan yang mengurangkan kefasihan pada percakapan tersebut. Manakala *balāghat al-mutakallim* pula memberi maksud bakat yang dimiliki penutur dalam membina percakapan yang *balīgh* 1. (Mohd Syukri Abd Rahman, 2010).

Menurut Azhar Muhammad (2006), ilmu balaghah merupakan suatu disiplin ilmu yang berlandaskan kepada kejernihan jiwa dan ketelitian dalam menghayati keindahan dan penjelasan perbezaan yang samar di antara pelbagai ungkapan. Kenyataan tersebut membawa erti bahawa ilmu balaghah berteraskan kepada penghayatan dan perasaan. Tanpa penghayatan dan perasaan sebarang ungkapan tidak akan sampai kepada tujuan penutur yang membina percakapan *balīgh* mahupun orang yang menerima percakapan itu. Hal ini berkaitan dengan kenyataan Ishak Mohd Rejab et. al (1996:58) dalam Glosari Bahasa dan Kesusteraan Arab, ilmu balaghah dinyatakan sebagai penampilan makna yang menarik melalui ungkapan yang tepat di samping memberi kesan yang mendalam serta bersesuaian dengan makna.

Alī al-Jārim dan Mustafā Amīn (1999) pula menyatakan unsur-unsur balaghah adalah perkataan, makna dan susunan perkataan yang memberi kekuatan, pengaruh dan keindahan dalam jiwa. Demikian juga penelitian dalam pemilihan kata-kata, gaya bahasa yang sesuai dengan tempat bicaranya, waktu, tema, keadaan para pendengar, dan emosional mampu mempengaruhi dan menguasai mereka. Justeru, balaghah Arab adalah salah satu daripada elemen penting dalam bahasa Arab, maka adalah tidak lengkap bagi

1 Percakapan yang mempunyai makna-makna yang menarik dan mempamerkannya pada acuan lafaz yang indah.

seseorang yang mempelajari bahasa Arab tanpa mempelajari ilmu ini, bahkan tujuan asal mempelajari bahasa Arab itu sendiri tidak kesampaian. Justeru, pembelajaran ilmu balaghah dalam pengajian Bahasa Arab tidak dapat dipisahkan kerana matlamat dan hala tuju pembelajaran Bahasa Arab hanya dapat dimanifestasikan menerusi ilmu balaghah.

Dalam pada itu, lima senarai tujuan atau matlamat pembelajaran ilmu balaghah telah dinyatakan oleh Sohair Abdel Moneim Sery (1999), sepertimana berikut:

1. Ilmu balaghah membantu para pelajar mendalami serta menikmati keindahan pengisian sastera, ia bukan hanya untuk memahami pengertian yang tersurat tetapi juga pengertian yang tersirat.
2. Menerusi ilmu balaghah, seseorang itu boleh menemui rahsia keindahan seni serta mengetahui sumber kesannya ke atas jiwa.
3. Memahami maksud isi kandungan teks dan semua jenis kemahiran seni yang terdapat pada ahli sastera serta apa yang digambarkan dari jiwa dan emosinya.
4. Mematangkan daya atau citarasa kesusasteraan dalam kalangan para pelajar, di samping membolehkan mereka merasakan keindahan dan kegembiraan hasil daripada pembacaan sesebuah karya sastera agung.
5. Membolehkan para pelajar menguasai kemampuan untuk membuat perbandingan antara para sasterawan serta menilai hasil karya mereka menurut seni balaghah yang sebenar.

Berdasarkan kelima-lima matlamat tersebut, ilmu balaghah amat berperanan penting dalam pengkaryaan dakwah. Oleh itu, kemahiran ilmu balaghah perlu dititikberatkan oleh penulis karya dakwah supaya isi kandungannya mampu disampaikan dengan lebih berkesan dan tidak menjadi sesuatu yang membosankan. Penulisan dakwah merupakan aktiviti penyampaian maklumat tentang Islam dan mengajak manusia ke arah kebaikan serta memberi peringatan kepada manusia yang lalai. Maka, ia bukan sahaja sekadar memberi maklumat, bahkan turut menitikberatkan pentarbiyahan jiwa pembaca agar terkesan untuk mencintai Allah s.w.t. Justeru, aplikasi ilmu balaghah dalam pengkaryaan dakwah dapat meninggalkan impak yang baik kepada pembaca.

1.1 Latar Belakang Kajian

Ilmu balaghah Arab terbahagi kepada tiga bahagian penting, iaitu ilmu *bayān*, ilmu *ma'āni*, dan ilmu *badī'*. Ilmu *bayān* membincangkan tajuk-tajuk seperti bahasa kiasan, perumpamaan, dan simpulan bahasa. Ilmu *ma'āni* pula memberi perhatian dari segi kesesuaian ucapan dengan keadaan pendengar dan tujuan sesuatu ucapan yang lahir daripada penutur sama ada untuk tujuan doa, meminta sesuatu, penafian, pertanyaan, harapan, dan lain-lain. Manakala ilmu *badī'* pula membincangkan penggunaan kata dan frasa yang berbunga dalam sesuatu ucapan. (Ab. Halim Mohamad, 2011).

Dengan kata lain, ilmu *badī'* berfungsi sebagai satu bidang ilmu yang membincangkan kepelbagaian cara memperindah perkataan selepas

menentukan kesesuaiannya dengan keadaan dan kejelasan maknanya. Cara ini terbahagi kepada dua bahagian, pertama, penghias lafaz yang dinamakan *al-muḥassināt al-lafziyyah* dan yang kedua, penghias makna yang dinamakan *al-muḥassināt al-ma'nawiyah*. (Azhar Muhammad, 2006). Menurut Ahmad al-Hāshimī (1999), ilmu *badī'* merangkumi 16 tajuk di bawah kelompok *al-muḥassināt al-lafziyyah* dan 36 tajuk di bawah *al-muḥassināt al-ma'nawiyah*.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan menumpukan penelitian terhadap topik gaya bahasa *jinās* sahaja yang merupakan salah satu topik yang ketara penggunaannya di bawah kelompok perbahasan *al-muḥassināt al-lafziyyah*. Hakikatnya, perbahasan *jinās* mempunyai perkaitan dengan bidang semantik. Bidang semantik yang ditakrifkan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) sebagai kajian makna linguistik bagi kata, frasa dan ayat. Hubungan antara penggunaan gaya bahasa *jinās* dalam sesebuah ungkapan, terdapat satu kekuatan yang mampu menyingkap makna yang tersirat menerusi kesenian lafaz. Bahkan penggunaannya telah menghasilkan satu imaginasi yang unik terhadap maknanya. Maka, *jinās* membawa kepada pembaca bertadabbur seterusnya meningkatkan penghayatan sewaktu pembacaan dilaksanakan.

Dalam linguistik Melayu, gaya bahasa *jinās* dilihat mempunyai persamaan dengan homonim. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), homonim dalam bidang linguistik ialah sekumpulan perkataan yang berkongsi ejaan serta sebutan yang sama tetapi mempunyai makna yang berbeza, biasanya kerana perkataan-perkataan itu tidak berasal daripada punca yang sama. Contohnya, perkataan “perak” ada yang dimaksudkan dengan “logam”, dan ada juga yang membawa maksud “terpinga-pinga”. Perkataan “semak” kalanya ia digunakan dengan makna “kaji”. Selain itu, dengan bentuk ejaan yang sama ia boleh juga membawa makna “kusut”. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Ini bermakna penggunaan gaya bahasa seumpama *jinās* ini turut terdapat dalam bahasa Melayu yang disebut sebagai homonim, dan dalam bahasa Inggeris *homonym*.

Dalam bicara Allah s.w.t menerusi kalam wahyuNya, Allah s.w.t juga menggunakan gaya bahasa *jinās*. Para pengkaji ilmu balaghah berpandangan bahawa, fenomena gaya bahasa *jinās* yang berlaku dalam al-Quran merupakan keindahan lafaz yang mampu menarik perhatian manusia dan ia juga merupakan salah satu bentuk kemukjizatan bahasa al-Quran al-Karim. Contohnya firman Allah s.w.t :

﴿وَلِيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يُقْسِمُ الْمُجْرِمُونَ مَا لَبِثُوا غَيْرَ سَاعَةٍ﴾

Maksudnya : “Dan pada hari berlakunya **Kiamat** itu, bersumpahlah orang-orang yang berdosa, bahawa mereka tinggal di dunia ini hanyalah **sesaat** sahaja”.

(Surah al-Rūm (30):55)

Dalam ayat tersebut, terdapat *jinās* melibatkan dua lafaz (السَّاعَةُ). Pertama, dengan maksud “Kiamat”. Manakala yang kedua, dimaksudkan dengan “waktu”.

Sementara itu, dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Sufyān, turut terdapat penggunaan lafaz *jinās* ketika Nabi s.a.w mengirinkan surat dakwah kepada Hercules, Raja Rom:

فَأَيُّ أَدْعُوكَ بِدَعَايَةِ الْإِسْلَامِ أَسْلِمُ تَسْلِمًا يُؤْتِكَ اللَّهُ أَجْرَكَ مَرَّتَيْنِ فَإِنْ تَوَلَّيْتَ فَإِنَّ عَلَيْكَ إِثْمَ الْأَرِيْسِيِّنِ

Maksudnya : "...Sesungguhnya aku mengajakmu dengan seruan Islam. Masuklah kamu ke dalam agama Islam, nescaya kamu akan selamat; dan Allah akan memberimu pahala dua kali ganda. Namun, jika kamu berpaling, kamu akan menanggung dosa kaum Arsiyyin..."

(Riwayat Imam al-Bukhārī dan Muslim)

Dalam hadith tersebut, terdapat dua pasangan perkataan *jinās ishtiqaq* iaitu (أَدْعُوكَ) digandingkan dengan (بِدَعَايَةِ), sementara (أَسْلِمُ) dengan (تَسْلِمًا). Berdasarkan kepada penggunaan *jinās* dalam ayat al-Quran dan risalah dakwah Nabi s.a.w. kepada Hercules tersebut, menunjukkan bahawa *jinās* adalah salah satu teknik penting untuk memastikan keberkesanan mesej yang dikemukakan.

Penggunaan *jinās* juga banyak terdapat dalam puisi Arab, contohnya seorang penyair pada zaman 'Abbsiyyah yang bernama Abū Tammām merangkap satu ungkapan puisi menarik menerusi penggunaan *jinās*:

مَا مَاتَ مِنْ كَرَمِ الزَّمَانِ فَإِنَّهُ - يَحْيَا لَدَى يَحْيَى بْنِ عَبْدِ اللَّهِ

Maksudnya: "Tidak lenyap sesuatu kemuliaan itu, bahkan sesungguhnya ia akan terus hidup di samping Yahya bin Abdillāh"

(Aḥmad al-Hāshimī, 2004)

Dua perkataan (يَحْيَا) digunakan. Satu daripadanya terdiri daripada kata kerja kala kini (*fi'il muḍāri*) yang membawa makna akan terus hidup. Manakala (يَحْيَى) yang kedua membawa maksud nama seseorang.

Contoh tersebut menunjukkan satu gambaran *jinās* yang menarik untuk dibincangkan. Sementara korpus yang dibincangkan dalam kajian ini ialah kitab *al-Hikam al-'Aṭā'iyyah*. Ini kerana kita terbut merupakan sebuah karya dakwah yang agung dilihat berjaya menawan hati pembaca dan menimbulkan ketakjuban bagi mereka yang menghayatinya menerusi penggunaan gaya bahasa *jinās*.

Secara umumnya, kandungan kitab karya Sheikh Ibn 'Aṭā'illah al-Sakandarī itu merangkumi sekelompok teori dan pemikiran yang sebahagiannya berbentuk sufi, falsafah, fiqh dan permasalahan ilmu kalam. Ia dipandang sebagai sebuah kitab yang mempunyai keistimewaan kerana struktur kalimatnya yang bersastera tinggi. Selain itu juga, kedalaman makrifat yang dituturkan melalui katanya yang ringkas dan bermakna adalah merupakan hasil daripada sebuah kesucian tasawuf yang diterangi oleh al-Quran al-Karim dan sunnah Rasulullah s.a.w.

Ternyata, kitab *al-Hikam al-'Atā'iyah* merupakan sebuah karya dakwah yang mengandungi nilai-nilai tasawuf yang amat besar, bahkan ia disifatkan oleh Othman Napiah (1992) sebagai dasar kepada ajaran tasawuf Sheikh Ibn 'Atā'illah al-Sakandarī dan peraturan serta ketetapan tarekat *Shādhiliyyah*. Oleh yang demikian, walaupun pengarang dianggap mahir dalam ilmu syariat, hebat dalam ilmu kesusasteraan dan kesenian bahasa, namun ketokohan pengarang dilihat lebih menonjol dalam bidang pendidikan ilmu tasawuf.

Sedangkan, apabila diteliti kitab *al-Hikam al-'Atā'iyah*, ia cukup menyerlahkan kehebatan Sheikh Ibn 'Atā'illah al-Sakandarī dalam ilmu kesusasteraan dan kesenian bahasa. Penggunaan kalimatnya yang ringkas dan mempunyai kandungan makna yang besar disebut sebagai (*al-tjāz*), elemen metafora yang disebut sebagai (*istiārah*), (*tashbīh*), dan sebagainya.

Dalam pada itu, topik dalam ilmu *badī'* yang merupakan elemen penting dalam pembentukan puisi Arab turut meluas penggunaannya dalam kitab *al-Hikam al-'Atā'iyah*. Antaranya sistem imbangan (*wazn*) rima bunyian yang terbit daripada perkataan disebut sebagai (*qāfiyah*). Elemen yang mendatangkan suatu perkataan berlawanan dengannya disebut sebagai (*tibāq*) dan (*muqābalah*). Struktur perkataan yang mempunyai dua makna, iaitu makna zahir (yang tidak dikehendaki oleh pengarang) dan makna tersembunyi (yang dikehendaki oleh pengarang) disebut sebagai (*tawriyah*).

Dengan kewujudan elemen tersebut, kitab *al-Hikam al-'Atā'iyah* telah menawan hati dan perasaan pembaca terhadap kitab ini. Walau bagaimanapun, kitab *al-Hikam al-'Atā'iyah* dilihat masih tidak diberi tumpuan secara meluas oleh para pengkaji bahasa. Hal ini berkemungkinan kerana ia lebih popular sebagai kitab tasawuf yang menjurus kepada sebuah ajaran akhlak dan dakwah. Sementara ulasan dan perbincangan dari aspek bahasa kebanyakannya dibincangkan oleh para pengkaji secara umum sahaja tanpa memfokuskan perbincangan khusus dalam sesebuah topik. Melihat kepada realiti ini, pengkaji merasakan bahawa adalah penting satu penelitian khusus dilakukan bertujuan mengkaji aspek keindahan bahasanya yang luar biasa serta kata dan maknanya saling mempunyai kaitan sehingga melahirkan ungkapan-ungkapan yang memukau hati dan perasaan pembaca.

Walaupun kitab *al-Hikam al-'Atā'iyah* merupakan sebuah pengkaryaan dalam bidang pendidikan ilmu tasawuf dan dakwah, tetapi ia dilihat amat menekankan aspek kesenian bahasa dalam menyampaikan sesuatu mesej dan pesanan. Hal ini kerana kesenian bahasa memainkan peranan dakwah cukup penting untuk mengajak manusia kepada Allah s.w.t. Oleh yang demikian, ia memerlukan kepada ilmu dan keupayaan tertentu untuk menarik perhatian manusia dan memahami psikologi manusia. Allah s.w.t. telah meletakkan *al-hikmah* sebagai salah satu metod utama dalam berdakwah menerusi firman-Nya dalam surah *al-Nahl*, ayat 125:

﴿ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ
بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ﴾

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”.

(Surah al-Naḥl (16):125)

Hikmah mempunyai beberapa pengertian. Perkataan “*al-hikmah*” disebut sebanyak 19 kali di dalam al-Quran dan ditafsirkan kepada pelbagai penafsiran. Antaranya, Mujahid menafsirkan perkataan *al-hikmah* sebagai akal, kefahaman dan perkataan yang tepat dan betul. (Madārīj al-Sālikīn, Jld 2:478). Oleh yang demikian, konsep berdakwah hendaklah dilakukan secara berhikmah, memberi nasihat yang baik dan perbincangan dengan menggunakan cara yang baik dengan pihak sasaran. Maka, seorang pendakwah perlu dituntut supaya menyeru manusia dengan pendekatan hikmah iaitu bijaksana.

Muḥammad Abduh mengatakan hikmah adalah memahami rahsia dan faedah sesuatu yang menggerakkan kemahuan untuk melakukan perbuatan bermanfaat. Hikmah juga bermaksud lemah-lembut, bijaksana, pengetahuan yang berguna, berani, tegas, menyatakan sesuatu tepat pada tempatnya, bersumberkan al-Quran dan sunnah, kefahaman terhadap al-Quran dan sunnah serta bertindak berpandukan ajaran Allah dan rasul-Nya. (S. Salahudin Suyurno et.al, 2008:31)

Kedudukan hikmah itu juga begitu berharga di sisi umat Islam kerana ia dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam kehidupan orang-orang yang berfikir. Rasulullah s.a.w. bersabda sepertimana yang telah diriwayatkan oleh Imām al-Tirmidhī:

(الْحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا)

Maksudnya : “Hikmah adalah barang yang hilang milik orang beriman. Di mana saja menjumpainya, maka orang beriman berhak ke atasnya.”

(Riwayat al-Tirmidhī)

Mengisafi akan tuntutan tersebut, pengkaji memfokuskan perbincangan *jinās* dalam ayat-ayat hikmah. Hal ini disebabkan ungkapan hikmah dalam *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* itu sendiri sedikit perkataannya tetapi mempunyai kandungan makna yang besar di sebalik pemilihan sesuatu lafaz. Maka, pemilihan lafaz *jinās* yang terdapat di dalam *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* itu mempunyai ikatan yang kuat antara lafaz dan makna setelah diamati dan didalami.

Secara umumnya para sarjana dalam kalangan ahli bahasa berpendapat bahawa objektif penggunaan *jinās* adalah bertujuan menyokong kesinambungan rentak yang indah dan menarik serta menyampaikan kandungan intipati yang terdapat dalam sesuatu ayat dengan berkesan. Manakala dalam konteks dakwah, seni gaya bahasa *jinās* ini digunakan untuk mempengaruhi psikologi pembaca atau pendengar supaya menjadikan bicara

pendakwah itu lebih tersusun dan kemas. Maka, bertitik tolak dari sini, pengkaji berhasrat untuk membuat satu kajian yang dapat dijadikan satu panduan untuk memahami salah satu bentuk gaya bahasa balaghah yang terdapat di dalam kitab *al-Hikam al-'Aṭā'iyah* iaitu *jinās*. Kewujudan *jinās* di dalamnya dilihat mampu memberi keunikan pada susunan lafaz dan mampu membuatkan pendengar terpesona dan terpaku memerhatikannya.

1.2 Pernyataan Masalah

Penulisan dakwah yang disasarkan kepada masyarakat umum hendaklah tidak hanya sekadar “melepaskan batuk di tangga”. Intipati kandungan dakwah yang disampaikan perlulah ringkas dan jelas. Maka, di sinilah terletak peranan bahasa dalam penyampaian mesej dakwah yang diharapkan dapat meninggalkan impak yang berkesan terhadap para pembaca. Susunan bahasa memainkan peranan penting agar sebarang kupasan mengenai dakwah dipersembahkan dengan gaya yang mampu menjadi halwa telinga.

Apabila penulisan dakwah disampaikan dengan pengaplikasian gaya bahasa yang kreatif, sesuatu yang biasa pun akan mampu menarik minat pendengar dan pembaca, seterusnya dapat menyampaikan mesej dakwah dengan berkesan. Hal ini kerana, menurut Nor Syuhada Mohd Basir (2012), penggunaan teknik gaya bahasa yang kreatif dapat mempengaruhi pemikiran dan membina satu kepercayaan dalam diri pembaca itu sendiri. Penggunaan ayat-ayat yang baik mampu memberi kesan pada hati dan pemikiran pembaca.

Walau bagaimanapun, penulisan dakwah tanpa penggunaan gaya bahasa kreatif kurang mendapat perhatian daripada pembaca, kurang daya tarikan dan boleh menjadi bahan bicara yang membosankan. Namun begitu, sejauh manakah kandungan dakwah tersebut berupaya mengusik pintu hati manusia yang sentiasa amat mendahagakan bahan bacaan yang mampu mencorak pemikiran dan jiwa mereka sekiranya persoalan gaya bahasa tidak diambil perhatian.

Sedangkan fungsi bahasa itu adalah sebagai alat penting yang perlu digunakan oleh pendakwah untuk memindahkan ilmu dan pemikiran serta perasaannya ke dalam pengkaryaan. Bahasa dalam sesebuah penulisan dakwah juga perlu memperlihatkan kehalusan, kesempurnaan dan kemuliaan pembentukan serta penyusunannya sebagai syarat-syarat keindahan bahasa sastera. Dengan demikian kalam dakwah akan menimbulkan kepelbagaian kesan kepada audien pembaca atau pendengarnya.

Oleh sebab itu, pendekatan dakwah Sheikh Ibn 'Aṭā'illah al-Sakandarī iaitu dengan memasukkan elemen gaya bahasa *jinās* adalah satu pendekatan yang perlu dikaji dan diteliti kerana berdasarkan elemen berikut. Kajian Jasim Ghāli Rumī al-Māliki (2008) membincangkan keindahan gaya bahasa *jinās* membuktikan keunggulan al-Qur'an sebagai kitab hidayah yang sangat mengambil berat psikologi manusia agar tidak ditimpa rasa bosan untuk menghayatinya. Dari sudut bunyian, Jamīl Ayyāsh (2013) menyatakan susunan lafaz *jinās* yang dipersembahkan oleh al-Quran seolah-olah mengikut acuan

seni muzik dengan antonasi lirik yang halus menusuk ke dalam jiwa dan telinga para pendengar. Sementara Anwar Jalaluddin (2005), berkata, ayat *jinās* membawa kepada irama yang seragam dan menunjukkan betapa indahnya bahasa al-Quran.

Dari aspek ilmu semantik, Jamīl Ayyāsh (2013), gaya bahasa *jinās* menzahirkan kekayaan makna dan akhirnya akan membawa kepada kejelasan maksud yang mahu disampaikan. (Jamīl Ayyāsh, 2013). Sehubungan itu, dapatan kajian Jāsim Sulaimān al-Fahīd (2012) menunjukkan bahawa gaya bahasa *jinās* yang terdapat dalam hadith Rasulullah s.a.w mempunyai nilai retorika dan estetika yang tinggi dan penggunaannya telah membuka ruang kepada ilmuwan Islam untuk berdakwah dengan cara yang berhikmah serta meninggalkan kesan yang mendalam dan berpanjangan terhadap jiwa pendengar. (Jāsim Sulaimān al-Fahīd, 2012).

Maka berdasarkan pernyataan masalah tersebut, kajian ini meneliti bagaimana gaya bahasa *jinās* dimanifestasikan dalam kitab *al-Ḥikam al-'Aṭā'iyyah* menerusi persoalan kajian berikut.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan yang dapat diidentifikasi adalah seperti berikut:

1. Apakah kategori *jinās* yang terdapat dalam kitab *al-Ḥikam al-'Aṭā'iyyah*?
2. Apakah perincian kategori *jinās* dalam kitab *al-Ḥikam al-'Aṭā'iyyah*?
3. Apakah nilai estetika *jinās* dalam karya dakwah *al-Ḥikam al-'Aṭā'iyyah*?

1.4 Objektif Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian di atas, maka kajian ini bermatlamat untuk:

1. Mengklasifikasikan kategori *jinās* yang terdapat dalam kitab *al-Ḥikam al-'Aṭā'iyyah*.
2. Menghuraikan penggunaan *jinās* dalam kitab *al-Ḥikam al-'Aṭā'iyyah* mengikut kategori.
3. Menjelaskan nilai estetika *jinās* dalam karya dakwah *al-Ḥikam al-'Aṭā'iyyah*.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai signifikannya yang tersendiri. Melalui kajian ini, ia dapat membuktikan kehebatan yang terkandung dalam kitab *al-Ḥikam al-'Aṭā'iyyah* dari sudut keindahan bahasanya melalui penggunaan gaya bahasa *jinās* yang terdapat dalam sebahagian besar kitab tersebut. Ia sekaligus mengetengahkan kitab tersebut sebagai model penulisan dakwah yang berkesan dan bijaksana.

Dalam pada itu, kajian sebegini amat perlu untuk merealisasikan fungsi ilmu balaghah dan diadaptasikan dalam peradaban masyarakat dan dakwah. Sehubungan itu, kepentingan kajian ini dapat dilihat daripada dua aspek utama iaitu; i. Ilmu pengetahuan. ii. Penobatan hasil karya sastera Arab.

1.5.1 Ilmu Pengetahuan

Dari segi ilmu pengetahuan, manfaatnya boleh dilihat daripada sudut pengkaji dan juga khalayak yang membaca kajian ini. Bagi para pengkaji, yang paling penting kajian ini memberikan pendedahan yang berguna tentang ilmu kreativiti penulis zaman silam, khususnya keupayaan pendakwah dalam mengolah fakta ilmiah dalam pengajaran agama Islam untuk menyampaikan mesej dakwah secara berkesan.

Pengetahuan ini akan membuka mata golongan yang berkecimpung dalam arena dakwah agar menguasai elemen-elemen ilmu balaghah supaya penyampaian dakwah yang disampaikan lebih diberi perhatian. Di samping itu, pengetahuan ini juga boleh diaplikasikan oleh penulis zaman kini untuk memindahkan fakta-fakta ilmiah, bukan sahaja dalam bidang agama, tetapi juga pelbagai bidang ilmu yang lain seperti sejarah, sains teknologi, dan sebagainya ke dalam bentuk kreatif dalam usaha untuk menarik dan mempopularkan bidang ilmu berkenaan untuk sajian masyarakat hari ini.

Selain daripada itu, menerusi kajian ke atas teks *al-Hikam al-'Aṭāiyyah* sebegini, masyarakat umum dan para pelajar khususnya turut dapat menikmati ilmu yang terkandung di dalamnya. Ini sekaligus dapat menambah dan meningkatkan pemikiran masyarakat dan membuka minda para pelajar berhubung penelitian bidang ilmu balaghah, sekaligus meningkatkan daya kefahaman terhadap ajaran yang dibawa oleh pengarang kitab *al-Hikam al-'Aṭāiyyah*.

1.5.2 Penobatan Terhadap Hasil Karya Sastera Arab

Secara umumnya penyelidikan ini sangat besar ertinya dalam mengetengahkan manuskrip Arab sebagai salah satu sumber ilmu yang besar dalam pelbagai bidang untuk untuk dikaji dan diketengahkan kepada umum. Manuskrip *al-Hikam al-'Aṭāiyyah* ini sarat dengan ilmu Islam, khususnya yang berkaitan dengan ilmu aqidah, falsafah dan etika, persoalan keinsanan, persoalan ketuhanan, persoalan kealaman, dan persoalan keilmuan.

Dengan demikian karya ini sangat berguna untuk perkembangan dan peningkatan ilmu, pembentukan jiwa minda, dan sahsiah diri dalam masyarakat hari ini. Maka, pemilihan teks ini sebagai korpus kajian dapat dilihat sebagai satu usaha penobatan terhadap hasil karya sastera Arab yang mampu menjana keberibadian masyarakat. Seterusnya, adalah diharapkan kajian ini dapat membuka laluan kepada para pengkaji lain untuk terus menghalusi kajian ilmu balaghah, seterusnya memperluaskan bidang kajian berkaitan gaya bahasa di dalam kitab *al-Hikam al-'Aṭāiyyah*.

1.6 Batasan Kajian

Kajian gaya bahasa *jinās* ini hanya akan menumpukan dan membataskan penelitian terhadap kitab *al-Ḥikam al-‘Aṭāiyyah*. Hasil tinjauan pengkaji mendapati penggunaan *jinās* terkandung di dalam 125 hikmah daripada keseluruhan kitab *al-Ḥikam al-‘Aṭāiyyah*. Daripada sepuluh kategori *jinās* yang diklasifikasikan oleh Alī al-Jundī, hanya sembilan kategori *jinās* dalam kitab *al-Ḥikam al-‘Aṭāiyyah* akan dibincangkan dalam kajian ini. Satu kategori yang tidak akan dibincangkan itu ialah *jinās ma‘nawīy*. Pengkaji mengambil keputusan untuk tidak membincangkan kategori tersebut memandangkan ia agak berbeza pendekatannya berbanding kategori *jinās* yang lain. Bahkan, kewujudan kategori *jinās ma‘nawīy* adalah tidak disepakati oleh kebanyakan ulama balaghah.

Pada objektif pertama, semua hikmah yang mengandungi penggunaan gaya bahasa *jinās* tersebut akan diklasifikasikan kategorinya dan disenaraikan berbentuk jadual. Huraian kepada pengkategorian *jinās* akan menyusul pada objektif kedua dan dibuat secara ringkas bagi menjelaskan kesembilan kategori *jinās*. Pada objektif ketiga pula, pengkaji menjelaskan nilai estetika *jinās* dalam kitab *al-Ḥikam al-‘Aṭāiyyah* dengan mengemukakan contoh yang diperlukan untuk tujuan perbincangan.

Sehubungan itu, perlu dinyatakan di sini bahawa proses menganalisis ketiga-tiga objektif tersebut adalah berpandukan kepada pendekatan Alī al-Jundī menerusi kitabnya *Fann al-Jinās* dan perincian mengenainya akan dijelaskan pada bab yang ketiga. Lantaran batasan kajian ini diletakkan bagi mengelakkan penyelidikan ini tidak menjadi terlalu panjang hingga boleh menghilangkan tumpuan dan penelitian.

1.7 Definisi Operasional

Kajian ini telah mengambil kira kepentingan definisi operasional dengan menjelaskan lagi maksud deskripsi patah perkataan yang digunakan dalam tajuk kajian ini. Pengkaji menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) untuk menghuraikan istilah perkataan “gaya bahasa”. Manakala perkataan “*jinās*” dirujuk kepada pengertian Ibn Manzūr dalam *Lisān al-‘Arab* (2003:228), “*al-Ḥikam*” mengikut takrifan *al-Mu‘jam al-Wasīt* (1972), dan “*al-‘Aṭāiyyah*” mengikut pengertian yang dihuraikan oleh pengkaji terdahulu. Berikut adalah huraian deskripsi tajuk:

1.7.1 Gaya Bahasa

Gaya merujuk kepada cara atau jalan melakukan sesuatu. Bahasa merupakan sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia antara seorang individu dengan individu yang lain. Menurut penjelasan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005),

gaya bahasa diberi pengertian; (1), cara pemakaian bahasa, (2), teknik penggunaan bahasa secara berkesan, (3), stail atau gaya dalam penulisan.

1.7.2 *Jinās*

Menurut Ibn Manzūr, perkataan (*جناس*) "*jinās*" dari segi bahasa ialah menyerupai sesuatu dengan sesuatu dan mempunyai kesatuan pada satu bentuk. Perkataan (*الجنس*) lebih umum daripada (*النوع*). Daripada (*جَنَسَ*) "ja-na-sa" itu, baharulah dipecahkan kepada (*يُجَانِسُ*) "yu-ja-ni-su", (*جِنَاسًا*) "ji-na-san", (*مُتَجَانِسًا*) "mu-ta-ja-ni-sa-tan" dan (*تَجْنِيسٍ*) "tajnīs". Secara etimologi bererti menyerupai dan menyatu bersamanya dalam satu bentuk. (Ibn Manzūr, 2003:228).

1.7.3 *Al-Ḥikam al-'Aḥāyiyah*

Dari segi bahasa perkataan *ḥikam* adalah kata jamak kepada perkataan hikmah yang mempunyai beberapa pengertian. Perkataan "*al-ḥikmah*" disebut sebanyak 19 kali di dalam al-Quran adalah perkataan bahasa Arab yang berasal daripada kata kerja *ḥakama*. Menurut *al-Mu'jam al-Wasīf*, kata "*al-ḥikmah*" Hasil daripada kata kerja *ḥakama* tersebut, maka terbitlah perkataan "*al-ḥikmah*" yang diertikan sebagai keadilan, ilmu pengetahuan, dan kebijaksanaan. Perkataan "*al-ḥikmah*" adalah kata tunggal (*mufrad*). Manakala jamaknya adalah "*al-ḥikam*". (*al-Mu'jam al-Wasīf*, 1972:190).

Secara istilahnya, perkataan "*al-ḥikmah*" juga diisyaratkan kepada perkataan yang sedikit tetapi mempunyai kandungan makna yang besar sepertimana definisi berikut:

الْحِكْمَةُ قَوْلٌ مُّوجِزٌ صَائِبٌ الْفِكْرَةَ رَائِعُ التَّعْبِيرِ يَتَضَمَّنُ مَعْنَى مُسَلِّمًا بِهِ يَهْتَدَفُ إِلَى الْخَيْرِ
وَالصَّوَابِ وَهِيَ تُصَدَّرُ عَنْ تَقَافَةٍ أَوْ خَبْرَةٍ وَتَجْرِبَةٍ.

Maksudnya: "Kata-kata hikmat adalah kata-kata yang ringkas, mengandungi idea yang tepat, diungkapkan dengan ungkapan yang menarik, mengandungi makna yang baik dan bermatlamatkan sesuatu yang baik dan betul. Ia lahir daripada sesuatu pengetahuan kebudayaan yang tertentu ataupun sesuatu pengalaman".

(Ṣaqar, 1990:57)

Perkataan "*al-'Aḥāyiyah*" adalah sandaran kepada nama datuk pengarang yang bernama Abū Muḥammad 'Abd al-Karīm ibn 'Atā' Allah al-Iskandarī (w612H) seorang faqih yang masyhur pada zamannya. (Al-Taftāzānī, 1969:13).

1.8 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini bertujuan menganalisis penggunaan gaya bahasa *jinās* dalam kitab *al-Hikam al-'Atāiyyah*. Dalam pada itu, rahsia nilai estetika *jinās* dalam penghayatan seni keindahan kata-kata hikmah akan disingkap dengan mengaplikasi teori dan analisis teks. Bab ini merupakan bab pendahuluan yang telah membincangkan konsep umum berkaitan kajian ini berhubung dua bidang ilmu iaitu ilmu balaghah dan ilmu dakwah Islam yang menjurus keppada akidah dan akhlak. Selain itu, bab ini juga telah mendedahkan pengenalan ringkas kitab tersebut sebagai sebuah kitab dakwah yang menarik. Berdasarkan hal-hal yang telah disebutkan dalam keseluruhan bab ini, dapatlah disimpulkan bahawa kajian ini tidak membahas keseluruhan aspek gaya bahasa dalam kitab tersebut, tetapi tumpuan difokuskan kepada gaya bahasa *jinās* sahaja. Bab berikutnya adalah bab dua akan membincangkan tentang sorotan literatur yang berkaitan dengan gaya bahasa *jinās* dan kajian kitab *al-Hikam al-'Atāiyyah* yang menjadi korpus kajian ini. Semoga bab berikutnya akan menjadi landasan yang kuat kepada kajian tesis ini secara keseluruhan.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

Ab. Halim Mohamad. (2011). *Unsur-Unsur Ilmu Badi' Arab dalam Syair Hamzah Fansuri*. International Journal of the Malay World and Civilisation 29(2): 67-82.

Abu Mazaya al-Hafiz. (2003). *Syarah Al-Hikam, Bimbingan Menjadi Wali Allah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Abdul Qadir Leong. (1999). *Tajwid al-Quran Rasm 'Uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Anwar Jalaluddin. (2005). *Uslūb al-Jinās dalam al-Quran al-Karim : khusus Juz 'Amma*". Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Athaillah bin Junaidy. (2012). *Al-Sakkākiy dan Peranannya Dalam Perkembangan Ilmu Balaghah*, Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Azhar Muhammad. (2005). *Beberapa Aspek Keunikan Dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran*. Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia.

Azhar Muhammad, et.al. (2006). *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*. Universiti Teknologi Malaysia.

Azhar Muhammad. (2007). *Menterjemah Budaya Retorika Melayu Melalui Pelaksanaan Pengajaran Ilmu Balaghah Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11.

Bogdan, Robert. and Steven Taylor. (1975). *Introduction to Qualitative Research Methode*. New York : John Willey and Sons, 1975.

Fatimah Busu. (2003). *Memupuk Bakat & Minat Penulisan Kreatif: Teori & Proses*. Kuala Lumpur: PTS Publication.

Gorys Keraf. (2000). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.

Ishak Mohd Rejab et. al (1996). *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keris Mas. (1990). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kerlinger, F.N. (1970). *Foundations of Behavioral Research: Educational and Psychological Inquiry*. London: Holt. Reinhart & Winston.
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundations of Behavioral Research*, (3rd Edition, Revised), Published by Holt, Rinehart and Winston, Inc., American Problem Series, New York, NY, 1973
- Kirk, J. & Miller, M. L., (1986). *Reliability and Validity in Qualitative Research*, Beverly Hills, CA, Sage Publications
- Mana Sikana. (2009). *Estetika di Sebalik Tabir Teori Sastera Melayu Islam*. Jurnal Melayu (4) 2009: 11-28. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McMillan, J.H dan Schumacher S. (1984). *Research in Education*. Boston: Little Brown and Campony.
- Mildred Nalliah dan Shuki Osman. (2007). *Kelemahan Lazim Dalam Persembahan Kerangka Teoretis-Konsepsi, Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jld 22, 127–132. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Yazid Abdul Majid. (2010). *Perbandingan Bahasa Kiasan dalam Cerpen Arab dan Melayu*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Mohamad Syukri Abdul Rahman. (2010). *Analisis Isti'arah dalam Kitab Riyad al-Şālihīn*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Mohammed Jailani Hamzah. (2013). *Konsep al-Badī' dalam Bahasa Arab : Analisis al-Ṭibāq Dalam al-Quran al-Karim*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Nor Syuhada Mohd Basir. (2012). *Penulisan Islamik Sebagai Medium Pendekatan Dakwah : Satu Kajian Terhadap Penulisan Novel*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif : Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Perak : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Napiah. (1992). *Ajaran-ajaran Tasawwuf ibn `Ata`illah al-Iskandari Yang Penting Dalam Kitabnya al-Hikam*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Shafie Abu Bakar. (1999). *Hikam Melayu: Kajian Falsafah dan Etika*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sohair Abdel Moneim Sery. (1999). *Perintis ke Arah Memberi Nafas Baharu kepada Ilmu Balaghah*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Suhairah Ismail. (2003). *Teori Rasa Fenomenologi: Penerapan Terhadap Novel-novel Terpilih Zaharah Nawawi*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.

Sulaiman Ibrahim. (2005). *Manhaj dakwah Al-Syaykh Ibn 'Atā' Allah Al-Sakandarīy dan pengaruhnya di Malaysia*, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.

Sulaiman Salleh, Rahmahtunnisah Sailin. (2014). *Kajian Hubungan Imaginasi, Kreativiti dan Idea Dalam Penulisan Kreatif* (E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah).

S.Salahudin Suyurno et.al. (2008). *Islam dan Komunikasi*, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Umar Junus. (1989). *Stilistik: Satu Pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Victor Danner. (1991). *Tarekat Shādhiliyyah dan Tasawuf di Afrika Utara*. New York: Islamic Spirituality.

Bibliografi Bahasa Arab

Abd al-'Azīz 'Atīq. (1985). *'Ilm al-Badī'*. Beirut: *Dār al-Nahdhaṭ al-'Arabiyyaṭ*.

Abd al-Halīm Mahmūd. (1985). [Ulasan buku *Syarah al-Hikam oleh Ahmad Zarruq*]. (Jld. 1, hlm. 16). Kaherah, Mesir: Dar al-Sya'b.

Abd al-Qādir Husain. (1983). *Fann al-Badī'*. Beirut: Dar al-Shurūq.

Aḥmad al-Hashimī (2004) *Jawāhir al-Balāghaṭ, Fi al-Ma'ani wa al-Bayan wa al-Badī'*, Beirut: Muassasah al-Ma'arif.

Aḥmad Khālid Shukr et al. (2010). *al-Munīr fi Aḥkām al-Tajwīd*. Jordan: al-Matābi' al-Markaziyyaṭ.

Aḥmad Zarrūq, Aḥmad ibn Aḥmad ibn Muḥammad. (1985)/(1405H). *Syarah al-Ḥikam*. Kaherah, Mesir: Dar al-Sya'b.

'Akāwī, In'ām Fawwāl. (1996). *Al-Mu'jam al-mufaṣṣal Fi 'ulūm al-Balāghaṭ, al-Badī' wa al-Bayan, wa al-Ma'ani*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Alī al-Jarīm & Mustafa Amin. (1979). *al-Balāghaṭ al-Wāḍihaṭ*. Beirut: Dār al-Ma'arif.

Alī al-Jundī. (1954). *Fann al-Jinās: Balāghaṭ wa Adab wa Naqd*. Kaherah, Mesir: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.

Awātif binti Saleh bin Sālim al-Ḥarbī. (2005). *al-Badī' Bayna Ibn Abī al-Asba' al-'Udwani Wa al-Khatib al-Qazwīnī*. Tesis Sarjana. Universiti Umm al-Qura, Makkah al-Mukarramah

- Dakhilullah bin Muhammad al-Ṣaḥafī. (1990) *al-Badī' Fi al-Quran 'Inda al-Mutaakhirin Wa Atharuhu Fi al-Dirāsāt al-Balāghiyah*. Tesis Sarjana, Universiti Umm al-Qura, Makkah al-Mukarramah
- Faḍl Hasan Abbās (1997), *al-Balāghat Funūnuha Wa Afnānuhā*, jld.1, c.4. Jordan: Dar al-Furqān Li al-Nashr Wa al-Tawzī' (55-56).
- al-Hamawī, Taqiy al-Din Abu Bakar ibn Hajjah. (2004). *Khizānah al-Adab wa ghāyaḥ al-Arib*. Vol. 1. Beirut: Dar al-Hilal.
- Hana' 'Abd al-Riḍā. (2011) *al-Jinās al-Ṣouti al-Balaghy Fi al-Lughat al-Arabiyyah*. Majallaḥ al-Adab al-Basraḥ, Bil. (55).
- Ibn 'Abbād. (2011), *Ghayth al-Mawāhib al-'Alīyyah Bi Syarh al-Ḥikam al-'Aḥādīyyah*. United Arab Emirates: al-Muntada al-Islamiy.
- Ibn 'Ajībah, Aḥmad ibn Muhammad ibn 'Ajībah al-Hasaniy. (1983). *Ṭiqaz al-Himam fi Syarhal-Ḥikam*. Kaherah, Mesir: Dar al-Ma'arif
- Ibn al-Mu'taz, Abdallah ibn al-Mu'taz. (1982). *al-Badī'*. Beirut, Lubnan: Dar al-Masīrah.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. (2003). *Lisān al-Arab*. Kaherah, Mesir: Dar al-Hadith.
- Jamil H. A. 'Ayyāsh, (2013) *Namāzaj min Jinās al-Isytiqoq Fi al-Quran al-Karim*. International Journal of Islamic Thought. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jāsim Ghālī Rūmi al-Māliki. (2008). *al-Jinās al-Souti wa Atharuhū fi Suraḥ Yūsuf a.s*. Majallah adab al-Basrah (45). Iraq: Jamiah al-Basrah.
- Jāsim Sulaiman al-Fahīd, (2012). *Wazāif al-Badī' al-Ta'bīriyyah Fi hadīth al-Nabawī*. Tesis Sarjana, Universiti Umm al-Qura, Makkah
- al-Jurjāni, 'Abd al-Qāhir (1988). *Asrār al-Balāghat*. Beirut: *Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah*.
- Lāshīn, Abd al-Fattāh. (1999). *al-Badī' fi ḍaw' asālīb al-Quran*. Kaherah: *Dar al-Fikr al-'Arabi*.
- al-Midani, Abd al-Rahman Hasan Habannakaḥ (1996), *al-Balāghat al-Arabiyyah, Ususuhā Wa Ulūmuhā Wa Funūnuhā*, jil.1. Damsyik: Dār al-Qalam, Beirut: Dar al-Shāmiyyah.
- Muḥammad Aḥmad Qāsim dan Muhy al-Dīn Dīb (2003). *Ulūm al-Balāghat, al-Badī' wa al-Bayān wa al-Ma'ānī*. Lubnan: *Muassasaḥ al-Hadīthah Li al-Kitāb al-Mu'jam al-Wasīḥ*. (1972). Istanbul: Al-Maktabaḥ al-Islamiyyah.

al-Şafadī, Şalāh al-Dīn. (1299H). *Jinān al-Jinās*. Turki: Matba'at al-Jawāib, Qaştaññiniyať.

Saqar, Ahmad Muhammad, (1990), *al-Ađwa' Fi al-Lughat al-'Arabiyyah*, Kaherah: Nahdat Misr Li al-Tibā'at Wa al-Nashr Wa al-Tawzī.

al-Taftāzāni, Abu al-Wafā' al-Ghanami (Dr.)(1969) *Ibn 'Ata'illah al-Sakandari wa Tasawwufuhū*. Kaherah: Maktabať al-Anjlu al-Misriyyať.

al-Zarkālī, Khayruddin. (1389H/1969M) *al-A'lam*. Beirut., h.213

